

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
TARIKH : 25 November 2014
SOALAN : Dr. Azman bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat manakah kejayaan usaha-usaha Kementerian dalam memulihkan stok ikan Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2013, sektor perikanan negara yang merangkumi perikanan tangkapan marin, perairan umum dan akuakultur telah menghasilkan pengeluaran ikan sebanyak 1.74 juta tan metrik bernilai RM10.8 bilion. Jumlah permintaan ikan makanan dijangka meningkat dari 1.3 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.9 juta tan metrik pada 2020 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.8%. Penggunaan per kapita bagi ikan makanan dijangka meningkat daripada 46 kilogram kepada 55 kilogram dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.9% bagi tempoh yang sama. Ini disebabkan oleh kesedaran pengguna terhadap produk makanan yang lebih berkhasiat semakin meningkat.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan sentiasa melaksanakan usaha-usaha ke arah meningkatkan pengeluaran ikan bagi menyediakan bekalan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan antarabangsa, berkualiti dan pada harga yang berpatutan. Beberapa program pemuliharaan stok ikan telah diadakan bagi meningkatkan serta memperkayakan sumber perikanan marin dan air tawar negara. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

A. Aktiviti perikanan Marin :-

(i) **Pembinaan Tukun Tiruan**

Sehingga kini, sebanyak 115 tapak tukun tiruan telah berjaya diwujudkan di perairan seluruh negara. Pada tahun 2013, sebanyak 6 tapak tukun tiruan telah diwujudkan iaitu 5 di Kedah dan 1 di Kelantan. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia mendapati tukun-tukun yang dilabuhkan mulai ditumbuhi dengan karang-karang lembut yang merupakan habitat anak-anak ikan. Terdapat kepelbagaian biodiversiti di tapak tukun dimana ia dapat memulihkan serta meningkatkan stok sumber. Di kawasan tukun-tukun yang dilabuhkan akan ditanda dengan boya untuk menandakannya supaya aktiviti penangkapan ikan tidak dilakukan di kawasan tersebut.

(ii) **Peralatan Menangkap Ikan Mesra Sumber**

Galakan Penggunaan peralatan menangkap ikan yang mesra sumber seperti penggunaan peralatan yang boleh mengurangkan tangkapan ikan baja diwajibkan seperti

Juvenile and Trash Fish Excluder Device (JTED) dan *Malaysian Acetes Efficiency Device (MAED)*.

(iii) **Pelepasan Benih**

Pelepasan benih ikan di perairan umum bagi mengekalkan tahap pengeluaran ikan laut pantai. Benih-benih ikan siakap dan kerapu dilepaskan ke laut pada musim-musim tertentu di Pantai Timur terutamanya pada bulan Februari dan Mac.

(iv) **Perwujudan Kawasan Larangan Perikanan**

Kawasan larangan perikanan diwujudkan di Zon A (perairan kurang 5 batu dari pantai). Sebanyak 6 kawasan larangan telah diwartakan seperti di Pulau Talang Talang Besar, Pulau Talang Talang Kecil, Pulau Besar, Tanjong Tuan 1 dan Tanjong Tuan 2. Selain itu, sebanyak 42 pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia di bawah Akta Perikanan 1985 bagi tujuan melindungi perairan yang merupakan kawasan asuhan untuk pembesaran anak-anak ikan. Sebahagian dari Pulau Singa Besar, Langkawi juga telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan timun laut bagi memulihara timun laut di Pulau Langkawi dan perairan sekitarnya.

B. Aktiviti perikanan air tawar:

(i) **Pelepasan Umum**

Bagi memperkayakan sumber di perairan sungai pula, Jabatan Perikanan Malaysia melalui Pusat Pengembangan

Akuakultur telah menghasilkan benih ikan untuk dilepaskan ke perairan umum. Pada tahun 2013, lebih 28 juta ekor benih ikan telah dihasilkan oleh 8 buah Pusat Pengembangan Akuakultur. Daripada jumlah tersebut, lebih 21% atau 6.0 juta ekor benih telah dilepaskan ke perairan umum. Penghasilan dan pelepasan benih ikan ini memberi manfaat kepada sosioekonomi nelayan-nelayan sungai.